



NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-Kontraktor yang berdaftar dengan **Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (UPKJ)** dalam **Kelas** dan **Jenis Pendaftaran** yang berkaitan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah untuk membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Yuran Dokumen (RM)	Jenis Tawaran	Tarikh Taklimat Tender	Tarikh Mula Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup Dan Masa Penyerahan Dokumen Tender
STIDC/TEN/02/2025	Retender - Tender for Compound Maintenance and Landscaping Works at Wisma Sumber Alam, Petra Jaya, Kuching.	Works Kelas : D or E Kepala : VI Sub-Kepala : 5(b),5(c),5(d)	50.00	Terbuka	1 Julai 2025 @ 9:00 pagi	1 Julai 2025	14 Julai 2025 @ 12:00 tengah hari	14 Julai 2025 @ 12:00 tengah hari

2. Satu Taklimat Tender (wajib) bagi **STIDC/TEN/02/2025** akan diadakan pada **1 Julai 2025, 9:00 pagi** bagi tender di atas bertempat di **Dewan Seminar, Blok Podium, Wisma Sumber Alam**. Pemilik atau wakilnya yang hadir ke taklimat tender hendaklah **mengemukakan SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA dan SURAT PERWAKILAN KUASA** (Jika Berkenaan).
3. Dokumen Tender hanya akan dijual kepada pemilik atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pemilik / Rakan Kongsi / Pengarah Syarikat. Pemilik atau wakilnya hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL UNIT PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN JURUPERUNDING (UPKJ), SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN STATUS BUMIPUTERA** (jika berkenaan) dan **SURAT PERWAKILAN KUASA** (jika berkenaan) sebelum dokumen tender dijual kepada kontraktor yang layak. **Dokumen tender hanya akan dijual kepada kontraktor-kontraktor yang menghadiri taklimat tender.**
4. Bayaran yuran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai** atau **Draf Bank** atau **Kiriman Wang Pos (Money Order)** atau **Wang Kiriman Pos Beralang (Postal Order)** dan kaedah pembayaran lain yang dibenarkan oleh Badan Berkanun yang dibayar atas nama **SARAWAK TIMBER INDUSTRY DEVELOPMENT CORPORATION**.
5. Contoh Dokumen Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi mulai **1 Julai 2025 sehingga 14 Julai 2025** pada waktu pejabat di alamat **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak, Wisma Sumber Alam, Blok Podium, 93702 Petra Jaya, Pejabat Bahagian Pentadbiran, Seksyen Perolehan dan Perkhidmatan.**

Hari	Waktu
Isnin – Khamis	8:30 pagi – 12:00 tengah hari 2:00 petang – 4:00 petang
Jumaat	8:15 pagi – 11:00 pagi 2:15 petang – 4:00 petang
6. Petender adalah dikehendaki untuk mengemukakan Dokumen Tender **lebih awal dari Tarikh dan Masa Tutup yang** ditetapkan untuk mengelakkan kesukaran dan kesulitan semasa berurusan untuk mengemukakan Dokumen Tender pada hari Tender ditutup.
7. Dokumen Tender hendaklah dimasukkan sendiri oleh Pemilik / Wakil Syarikat / Firma ke dalam Peti Tawaran dengan menggunakan **sampul berlakri** serta mempunyai catatan **Nombor** dan **Tajuk Tender**. Dokumen Tender hendaklah diserahkan selewat-lewatnya **jam 12:00 tengahari** pada tarikh tutup di alamat seperti di bawah.

Pengerusi
Jawatankuasa Tender
d/a Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak Wisma
Sumber Alam, Jalan Stadium, Petra Jaya, 93050 Kuching,
P.O Box 194, 93702 Kuching, Sarawak.

8. Badan Berkanun **tidak akan bertanggungjawab** sekiranya petender gagal / lewat untuk mengemukakan Dokumen Tender pada masa dan Tarikh yang ditetapkan disebabkan arahan atau peraturan khusus yang perlu dipatuhi sebelum memasuki premis kerajaan.
9. Dokumen tender yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.



10. **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak** tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tersebut.

Timbalan Pengurus Besar
b.p Pengurus Besar
Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)

Tarikh : 26 Jun 2025